

KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (PBT) MSM NAIK 125% KEPADA RM81 JUTA UNTUK TK2021

KUALA LUMPUR, FEBRUARI 22, 2022 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM81 juta untuk 12 bulan berakhir 31 Disember 2021 (TK2021), berbanding PBT sebanyak RM36 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas, walaupun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar dengan peningkatan kos pengeluaran, NY11 lebih tinggi dan kos pengangkutan. Pada TK2021, keuntungan daripada pelupusan MSM Perlis Sdn Bhd berjumlah RM92 juta telah menyumbang kepada Kumpulan mencatatkan jumlah PBT disatukan sebanyak RM170 juta.

Kumpulan juga mencatatkan pendapatan lebih tinggi sebanyak RM2.26 bilion untuk 12 bulan TK2021 berbanding RM2.18 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. Peningkatan pendapatan bagi suku dalam tinjauan, RM642 juta untuk S4 2021 berbanding RM630 juta untuk S4 2020 disumbangkan terutamanya oleh premium yang lebih tinggi tetapi dihalang oleh volum yang lebih rendah disebabkan permintaan yang berkurangan kerana penggunaan belum pulih ke tahap sebelum COVID.

Pada suku yang ditinjau, banjir kilat pada 18 dan 19 Disember telah menjejaskan sebahagian besar negeri Selangor. Gudang sementara gula bertapis Kumpulan yang terletak di Kota Kemuning turut terjejas akibat banjir dan tuntutan insurans berkenaan dengan inventori yang terjejas telah dilakukan. Kini, penilaian penuh kerosakan sedang berjalan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, “MSM telah mencapai kemajuan yang baik dalam pelan pemulihannya pada 2021 walaupun menghadapi trend peningkatan elemen kos pengeluaran utama. Di peringkat domestik, perkembangan positif Pelan Pemulihan Negara telah memberikan dorongan kuat untuk pemulihan ekonomi yang lebih besar dan aktiviti sosio-ekonomi yang membawa kepada lebih banyak penggunaan produk termasuk gula.”

Dari segi operasi, kos pengeluaran Kumpulan meningkat berbanding tahun sebelumnya didorong oleh peningkatan 18% dalam NY11, peningkatan 69% dalam kos pengangkutan dan faktor penggunaan (UF) yang lebih rendah disebabkan oleh penutupan sementara MSM Johor untuk kerja-kerja pembaikan dandang dan MSM Prai untuk kerja sanitasi akibat COVID-19 seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan. Peningkatan dalam NY11 telah diatasi oleh pertukaran asing yang lebih rendah sebanyak 2%.



“Secara dalaman, MSM Johor berjaya meningkatkan hasil pengeluarannya serta UFnya walaupun kilang itu masih belum mencapai tahap kapasiti pulang modal. Bagi pasaran eksport, kecuali berlaku keadaan luar dugaan, TK 2022 memberikan peluang yang baik bagi rantau Asia Pasifik yang mempunyai permintaan yang kukuh dan semakin meningkat. Selain mengukuhkan kedudukan pasaran MSM di Vietnam, China, Singapura dan Korea Selatan, kami mempunyai kontrak utama yang besar dengan syarikat seperti Coca-Cola sebagai contoh yang baru-baru ini dipersetujui untuk tempoh dua tahun akan datang. Kontrak sedemikian membolehkan pengembangan dan akses ke pasaran baharu seperti Kepulauan Pasifik. Kami berharap untuk turut meningkatkan pasaran kami ke Australia dan New Zealand sebagai tambahan dan rancangan untuk menembusi pasaran Filipina dan Indonesia,” jelas Syed Feizal.

MSM kekal optimis dengan berhati-hati ke arah mengekalkan prestasi kewangannya pada 2022 dan akan terus memacu rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) melalui pelbagai inisiatif berterusan seperti kerjasama dengan Wilmar Sugar Pte. Ltd. dalam mewujudkan rantai bekalan gula yang mampan dan inisiatif baharu yang direka untuk mencapai pertumbuhan mampan yang holistik. MSM juga akan memulakan pelepasan karbon sifar bersih (*net-zero carbon emission*) dan perancangan sedang dijalankan. “ESG bukan hanya tentang pematuhan tetapi ia lebih kepada membuat perkara yang betul dan saya berbangga dengan peningkatan usaha MSM,” tambah Syed Feizal.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd. Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan. MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+603 2181 5018 ext. 154
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com